

01 APR 1999

Muhyiddin-Tabung

MUHYIDDIN MINTA NUSA MAHSURI TIMBANG SEMULA KEWUJUDAN TABUNG

KUALA LUMPUR, 1 April (Bernama) -- Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin meminta kelab profesional Nusa Mahsuri menimbang semula kewujudan Tabung Ke Arah Sukan Olimpik Sydney 2000 ekoran pemain-pemain mereka dipilih menyertai Projek Gemilang 2001.

Beliau berkata, oleh kerana ketiga-tiga pemain Nusa Mahsuri -- Rashid Sidek, Roslin Hashim dan Ismail Saman -- dipilih mengikuti projek persediaan menjelang Sukan SEA 2001 itu, mereka telah mempunyai sumber kewangan yang agak mencukupi dalam usaha melayakkan diri ke Sukan Olimpik.

"Sebenarnya saya tidak mahu campur tangan dalam hal ini. Tetapi kalau tak mahu teruskan kutipan tabung itu adalah lebih baik kerana nanti tidak mahu timbul persoalan orang ramai kerana mereka akan menerima bantuan MSN," katanya kepada pemberita di pejabatnya, di sini hari ini.

Muhyiddin berkata, terpulanglah kepada pengurusan Nusa Mahsuri untuk mengambil tindakan selanjutnya mengenai pengendalian tabung itu yang bertujuan untuk membiayai perbelanjaan pemain-pemain mereka menyertai pelbagai kejohanan antarabangsa menjelang Sukan Olimpik.

Bagaimanapun, beliau yang tidak kisah jika Nusa Mahsuri masih mahu meneruskan kutipan tabung itu bagi tujuan lain, cuma mengingatkan mereka kerana bimbang orang ramai akan mempersoalkan kutipan itu setelah pemain-pemain dibiayai di bawah Projek Gemilang 2001.

Menurutnya, menerusi Projek Gemilang 2001 yang akan bermula tidak lama lagi, pemain-pemain Nusa Mahsuri berpeluang menyertai beberapa kejohanan-kejohanan yang dikenali sebagai kelayakan ke Sukan Olimpik tanpa perlu mengeluarkan sebarang perbelanjaan sendiri.

"Jawatankuasa kerja yang terdiri daripada pegawai MSN dan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) akan membincangkan strategi terbaik dan mengenalpasti kejohanan-kejohanan bagi setiap pemain, tetapi tidak semua pemain akan menyertai kesemua kejohanan itu... cuma kita mahu melihat ramai pemain negara layak ke Sydney.

"Jika pemain Nusa Mahsuri tidak terpilih bagi satu-satu kejohanan tetapi masih mahu bertanding, saya rasa mereka boleh mengambil bahagian dengan perbelanjaan sendiri," kata Muhyiddin.

Muhyiddin berkata, di bawah projek itu, pemain-pemain Nusa Mahsuri masing-masing akan menerima RM500 sebulan tidak termasuk elaun makanan dan penginapan yang akan ditentukan oleh jawatankuasa kerja itu kelak.

Sementara itu, beliau berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah bersetuju dengan pelantikan seorang bekas hakim yang kini menjadi pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Tan Sri Harun Hashim untuk mempengerusikan Panel Penasihat Sukan.

Ahli-ahli lain ialah Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM) Tunku Imran Tuanku Ja'afar, Setiausaha Kehormat MOM Sieh Kok Chi, Tan Sri Nordin Hassan, Datuk Zaki Azmi, Datuk Salleh Harun, Datuk Dr M. Jegathesan, Fauzi Omar dan Azlina Osman Syed.

"Panel ini akan mengenalpasti permasalahan persatuan sukan dan memberi nasihat kepada menteri tentang langkah-langkah yang perlu dilakukan bagi mengatasi masalah itu," kata Muhyiddin.

-- BERNAMA

HRS zb